

KAWALAN MUKIM MELALUI SOLAT JUMAAT: MENURUT PERSPEKTIF SYARAK DAN ENAKMEN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

Oleh : Mohd Azhar bin Abdullah*

Abstrak

Penulisan ini berusaha untuk meninjau bagaimana kawalan mukim dapat dilaksanakan melalui solat Jumaat sebagai salah satu undang-undang yang digubal oleh kerajaan Kelantan. Di samping itu ia cuba melihat secara terperinci metodologi hukum yang mengintegrasikan komitmen penduduk sesuatu mukim.

This piece of writing tries to show how the control of a mukim can be applied through Friday Prayers as one of laws enacted by the Kelantan government. Besides, it also gives a close look at the hukum methodology, which has integrated the commitment of the residents in the mukim.

هذا المقال يحاول أن يكشف القوانين المستعمرة في ولاية كلنتان في مراقبة "مقيم" من خلال صلاة الجمعة. وهو أيضا يحاول أن يبحث بحثا تفصيليا عن منهج استنباط الحكم الذي يلزم المستوطن بالاقامة في "مقيم".

Definisi Solat Jumaat dan Hukumnya

Dari perspektif bahasa *al-Jumu'ah* berasal dari kalimah Arab yang dipetik daripada kata terbitan *al-Jam'*. Ia membawa maksud sebagai mengumpulkan atau menghimpunkan.¹ Bahasa Malaysia menerima pakai secara langsung pemakaian perkataan ini dengan menyebutnya sebagai Jumaat.²

Umumnya, pemakaian kata *al-Jumu'ah* secara mutlak adalah nama bagi satu hari dalam seminggu iaitu hari keenam selepas hari Khamis.³ Di dalam penggunaannya, untuk menunjukkan sesuatu maksud yang bersandar dengan lafaz Jumaat mestilah dihubungkan atau diikat dengan sesuatu penambahan seperti imbuhan dan sebagainya. Contohnya, berjumaat

* Pensyarah di Jabatan ad-Dakwah wal Qiadah KIAS

menunjukkan maksud yang dikehendaki ialah suatu aktiviti sembahyang Jumaat.⁴

Pada zaman Jahiliyah, hari Jumaat dikenali sebagai hari *al-'Arubah* atau *al-Rahmah*⁵ yang bererti hari yang jelas dan agung. Setelah kedatangan Islam ia diubah dan diganti dengan hari Jumaat sampai ke hari ini. Dalam sejarah Islam tokoh yang pertama yang menukar hari *al-'Arubah* kepada hari Jumaat ialah Ka'ab bin Lu'ay, datuk junjungan besar Rasulullah s.a.w. Beliau mengumpulkan kaumnya dengan memberikan peringatan tentang kebesaran hubungan kekeluargaan di samping memberitakan akan dibangkitkan seorang Nabi pembawa rahmat sekalian alam.⁶

Solat dari sudut bahasa ialah doa. Sebagai suatu istilah, solat Jumaat diertikan dengan; solat fardu dua raka'at oleh setiap Muslim pada setiap hari Jumaat di waktu zuhur yang diawalkan dengan dua khutbah.⁷ Dalil yang menunjuk dan mewajibkan solat Jumaat ialah firman Allah s.w.t (*al-Jumu'ah* : 9) :

"يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ"
"Wahai orang-orang yang beriman apabila diseru (azan) kepada solat pada hari Jumaat Maka bersegeralah kamu kepada mengingati Allah (solat Jumaat) dan tinggalkan segala jual beli..."

Manakala Tariq bin Syihab pula meriwayatkan;⁸

"الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلَّا أَرْبَعَةً"
عَبْدٌ مَمْلُوكٌ أَوْ امْرَأَةٌ أَوْ صَبِيٌّ أَوْ مَرِيضٌ
"(Solat) Jumaat suatu hak yang wajib (ditunaikan) oleh setiap Muslim kecuali empat (golongan) iaitu hamba, wanita, kanak-kanak dan orang yang sakit".

Dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah di atas secara jelas memfardukan penunaian solat Jumaat ke atas setiap Muslim secara mutlak. Sepakat para ulama mengklasifikasikan kata suruhan dalam ayat di atas sebagai *fardu 'ain*⁹ atau wajib ditunaikan oleh tiap-tiap individu Muslim dan kata suruhan di dalam ayat tersebut diperkuatkan lagi oleh hadith riwayat Tariq di atas.

Imam Ibn Qayyim ketika mentafsir kalimah *haq* dalam hadith riwayat Tariq itu sebagai al-Quran dan hadith.¹⁰ Ini menandakan hubungan pensyariaan

solat Jumaat adalah suatu hukum yang sabit secara ditil lagi *qat'i* menerusi dua sumber wahyu yang utama dalam Islam.

Sehubungan itu, sebahagian besar ulama sekata bahawa hukum solat Jumaat adalah *fardu 'ain*. Dari kerana itu, fuqaha menggariskan dua sebab mengingkari kewajipan solat Jumaat dianggap kafir atau terkeluar dari Islam. Yang pertama kerana landasan hukumnya melalui nas-nas yang *qat'i* atau pasti.¹¹ Dan kedua ialah kedudukan solat Jumaat hakikatnya bukan sebagai ganti daripada solat zuhur. Bahkan keberadaan solat Jumaat sebagai wajib adalah berdiri sendiri¹² di dalam ajaran Islam. Buktinya, ia tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan dengan niat solat zuhur.¹³

Namun jika ditinjau secara mendalam terdapat dakwaan yang mengklasifikasikan fardu di sini sebagai *fardu kifayah* bukan *fardu 'ain* seperti mana pendapat jumhur sebelumnya. Yang anehnya, pendapat tersebut disandarkan kepada imam al-Syafi'i dan terkadang mengaitkan nama imam Abu Hanifah. Pendokong-pendokong daripada mazhab-mazhab Syafi'i dan Hanafi seperti imam al-Nawawi¹⁴ dan Ibn 'Abidin¹⁵ secara terus-terang menafikan imam mereka pernah berpendapat demikian malah menegaskan ia suatu kesangsian dalam membuat tanggapan atau konklusi terhadap perkataan imam sehingga melahirkan pandangan-pandangan yang bertentangan dengan maksud sebenar. Oleh itu, dakwaan tersebut tidak berasas dan tidak layak dipegang.

Maksud Mukim

Muqim dipetik daripada kata akar (اقيم) yang bererti tinggal atau mendiami. *Muqim* sebenarnya kata nama pembuat (*ism al-fa'il*) yang membawa erti keadaan seseorang yang mendiami sesuatu tempat. Perkataan yang menunjukkan makna kepada tempat atau kawasan yang didiami oleh seseorang bagi perkataan '*aqam*' ialah *muqam* atau *maqam*¹⁶ bukannya *mukim* seperti yang dipertuturkan.

Dalam penulisan fuqaha perkataan mukim ditemui ketika membahaskan syarat Wajib Jumaat, iaitu: seseorang itu wajib menunaikan solat bila sekurang-kurangnya bermukim atau bermastautin di suatu kawasan.¹⁷ Justeru itu, istilah mukim pada asal penggunaannya di sisi fuqaha ialah ditujukan kepada perihal peribadi mukallaf bukannya terhadap tempat seperti mana tersebar dan popular dalam penggunaan pertuturan kita.

Jika dirujuk kepada maksud yang digunakan kepada satu tempat yang didiami oleh seseorang, tidak semua ulama fiqh menggunakan istilah *muqim*.

Sesetengah daripada mereka seperti imam al-Khatib al-Syarbini memilih istilah *mustautin*.¹⁸ Perbezaan kedua-dua istilah ini sebenarnya tidak membawa pengertian yang lain dalam konteks ini, kecuali keberadaan dan kedudukan seseorang di satu tempat secara tetap. Ia berlawanan dengan istilah musafir yang bergerak dari satu ke satu tempat tanpa memasang hasrat menetap di tempat tersebut.

Oleh itu, istilah mukim yang dipakai sekarang bagi menunjukkan persempadanan satu kawasan berciri keagamaan dengan terdapat di dalamnya perkara tertentu seperti masjid, imam, bilal, tok siak dan sebagainya adalah kata pinjaman daripada perihal seorang mukallaf yang mendiami satu kawasan secara tetap.

Hubungan Solat Jumaat dan Mukim Dari Sudut Syarak

'A'isyah r.a. meriwayatkan hadits bahawa: ¹⁹

"كَانَ النَّاسُ يَتَابِعُونَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ مِنْ مَنَازِلِهِمْ وَالْعَوَالِي"

"Adalah manusia sentiasa mendatangi hari Jumaat dari rumah-rumah mereka dan al-'Awaly (Nama tempat di sebelah timur Madinah sejauh tiga atau empat batu)"

'Awaly adalah sebuah kampung yang agak jauh dari masjid al-Nabawi. Namun umat Islam ketika itu masih komited dengan mengadakan satu Jumaat sahaja bersama Rasulullah s.a.w. Situasi ini menjelaskan kaitan yang rapat antara pelaksanaan solat Jumaat dengan kedudukan kawasan tertentu. Walaupun kemungkinan wujudnya takwilan bahawa para sahabat r.a. tidak ingin melepaskan peluang berjumaat bersama Rasulullah s.a.w, tetapi menjejaskan maksud melazimkan mukim atau berjumaat di dalam mukim satu tuntutan yang ditunjukkan oleh para sahabat r.a.

Solat Jumaat memiliki ciri-ciri pelaksanaan yang khusus. Ia wajib dilaksanakan mengikut kaedah-kaedah yang ditentukan. Mukallaf yang diwajibkan solat Jumaat mestilah memenuhi syarat Wajib Jumaat iaitu; Islam, lelaki, baligh, merdeka, berkemampuan dan bermukim di samping memenuhi juga syarat Sah Jumaat iaitu; dilaksanakan dalam waktu zuhur, secara berjemaah, jumlah ahli Jumaat tidak kurang empat puluh orang, tidak berbilang Jumaat dalam satu tempat, diadakan di tempat yang menetap seperti kampung dan mempunyai dua khutbah sebelum solat dua rakaat.²⁰

Kombinasi syarat Wajib Jumaat dan syarat Sah Jumaat jelas memberi petunjuk bahawa hukum fardu Jumaat terbentuk dari gabungan-gabungan kukuh iaitu;

1. Unsur individu mukallaf
2. Unsur lokasi
3. Unsur kemasyarakatan
4. Unsur kesatuan dan persatuan
5. Unsur masa

Unsur-unsur yang disebutkan di atas mempunyai pengaruh dan hikmat tertentu. Jika diselidiki daripada kelima-lima ikatan tersebut, unsur tempat amat berpengaruh dalam perihal solat Jumaat. Ketentuan syarak yang menentukan wajib dilaksanakan di tempat tetap seumpama kota, bandar, kampung dan dalam keadaan seseorang itu mukim menggambarkan terdapatnya unsur pembinaan kawasan yang ingin disertakan oleh syarak. Ini berbeza dengan orang musafir yang tidak diwajibkan berjumaat kerana kedudukannya yang tidak menentu di kawasan tertentu.

Di samping itu tuntutan syarak menghendaki penunaian secara berjemaah dan tidak boleh berbilang Jumaat di satu tempat juga menyertakan isyarat kedapatan tuntutan pembentukan dan kawalan mukim perlu direncanakan dan diwujudkan. Hal ini disebabkan berbilang-bilang Jumaat dalam satu kawasan tertentu tanpa keperluan munasabah akan mencetuskan suasana perpecahan, kesukuan dan menyulitkan usaha penyusunan dan pembangunan masyarakat.

Matlamat syariat Islam memilih solat Jumaat sebagai asas menghimpunkan manusia secara mingguan yang menggantikan solat Zuhur pada hari-hari biasa memperlihatkan pembentukan mukim serta metode pengawalannya boleh dicapai secara impak melalui disiplin-disiplin ibadat khusus. Sendi kepada ibadat-ibadat khusus itu tentulah solat lima waktu yang mana solat Jumaat mengambil tempat daripada salah satu solat tersebut.

Penunaian solat Jumaat juga diwajibkan sekiranya ahli kariah mencapai empat puluh orang. Kuantiti empat puluh mukallaf yang sempurna ini perlu disatukan dan dikumpulkan di satu tempat bagi segala tujuan pembinaan, pembangunan dan penyelarasan ummah. Mukim memainkan peranan bagi tujuan ini. Keseluruhan syarat-syarat solat Jumaat ini membentuk jaringan perbandaran yang unik dan dalam istilah pentadbiran kawasan tersebut dikenali sebagai mukim. Oleh itu, istilah mukim dan solat Jumaat memiliki pertautan kukuh dan saling melengkapi antara satu sama lain bagi membentuk kefarduan solat Jumaat.

Dari itu, istilah mukim yang telah menjadi istilah keagamaan yang dipakai di negara ini terhadap pentadbiran masyarakat Islam bagi sesuatu kawasan yang memiliki ciri-ciri keagamaan tertentu adalah usaha pemahaman masyarakat terhadap perihal yang berhubung dengan pembangunan masyarakat Islam dalam kawasan tertentu.

Peruntukan Solat Jumaat dalam Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (EMAIK)

Dalam enakmen yang berkuat kuasa di negeri Kelantan hari ini, solat Jumaat merupakan salah satu perkara yang dikodifikasikan seperti mana dalam seksyen 90 yang memperuntukkan:

- (1) Hendaklah menjadi amalan yang lazim bagi semua anak mukim yang cukup syarat-syarat wajib Jumaat hadir bersembahyang fardu Jumaat di masjid mukimnya*
- (2) Imam Tua bagi masjid mukim itu boleh memberi kebenaran kepada mana-mana orang di kalangan anak mukimnya bersembahyang Jumaat di masjid mukim lain, atas sebab-sebab yang munasabah.*
- (3) Jika Imam Tua tidak memberi kebenaran itu, Majlis bolehlah memberi Kebenaran Khas kepadanya dalam tempoh yang terhad jika Majlis berpuas hati dengan alasan-alasan yang dikemukakan kepadanya.*

Peruntukan ini secara spesifik menyebut mengenai tanggungjawab imam memastikan semua anak mukim yang cukup syarat wajib Jumaat iaitu, Islam, baligh, lelaki, merdeka, berkemampuan dan bermukim menghadirkan diri bersembahyang Jumaat di masjid dalam mukim yang dia diami.

Suatu ciri utama yang melingkungi daerah pelaksanaan bersembahyang Jumaat itu, selain kewajipan menghadirkan diri berjumaat ialah hendaklah didirikan di dalam mukim di mana seseorang itu bermukim. Dua elemen ini telah mendominasi pelaksanaan peruntukan solat Jumaat dengan maksud, pelaksanaan solat Jumaat hendaklah memiliki dua elemen tersebut secara bersama.

Seseorang pada dasarnya tidak boleh keluar dari mukim yang dia diami untuk menunaikan kewajipan berjumaat di kawasan lain. Seseorang itu boleh berjumaat di mukim yang lain sekiranya mempunyai sebab-sebab yang

munasabah dan alasan tersebut mestilah dipohon menerusi imam tua atau jika imam tua tidak memberikan kebenaran keluar mukim, Majlis boleh memberikan kebenaran tersebut dalam tempoh yang terhad sahaja.

Peruntukan telah memberikan kuasa membenar atau sebaliknya kelulusan keluar mukim itu kepada imam tua tanpa mengaitkan jarak tempoh kebenaran itu berkuat kuasa dan Majlis Agama Islam dalam tempoh yang tertentu. Pihak-pihak lain terutama pegawai-pegawai masjid lain seperti imam muda, bilal tidak berbidang kuasa memberikan kebenaran keluar mukim. Kebenaran atau keizinan selain daripada imam tua dan Majlis boleh disifatkan sebagai tidak sah di sisi perundangan.

Tetapi tidak diperuntukkan dengan jelas bentuk pelaksanaan kebenaran tersebut sama ada secara bertulis atau lisan sahaja sudah memadai. Ini mungkin memberikan kelonggaran kepada pihak berkuasa dalam pelaksanaannya yang tidak riid itu memberikan pilihan kepada pihak imam tua atau Majlis mengeluarkan kebenaran dalam bentuk yang difikirkan sesuai.

Dalam konteks bentuk-bentuk pelaksanaan solat Jumaat seperti yang disusun dalam seksyen 90 di atas, adalah menjadi suatu kesalahan yang diperuntukkan secara khusus meninggalkan solat Jumaat tanpa keuzuran yang munasabah. Seksyen 104 memperuntukkan bahawa:

"Seseorang lelaki yang akil baligh yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di dalam mukim masjidnya tiga kali berturut-turut dengan ketiadaan keuzuran syari'e dan dengan tiada sebab-sebab yang munasabah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi RM1000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya"

Berasaskan peruntukan ini, Mahkamah Syariah memiliki kuasa mengambil tindakan mengikut takat undang-undang yang memberi kuasa kepadanya menghukum mana-mana mukallaf yang meninggalkan solat Jumaat tiga kali berturut-turut di dalam mukim yang ia diami padahal ia cukup syarat wajib Jumaat dan tiada keuzuran syarak yang menghalangi.

Untuk memudahkan pelaksanaan dan pentadbiran imam-imam dalam pengurusan solat Jumaat, sesiapa yang tidak dapat hadir berjumaat atas alasan yang rasional hendaklah melaporkan dan mendapatkan kebenaran daripada imam tua atau kepada Majlis. Hal ini penting sebagai menolak kemungkinan timbul kekeliruan undang-undang apabila berbangkit. Dari

sudut kesalahan kita dapati peruntukan ini mencakupi tiga dimensi iaitu sama ada:

- i. Seseorang tidak bersembahyang Jumaat padahal dia berada dalam mukim.
- ii. Seseorang melaksanakan solat Jumaat tetapi di luar mukim.
- iii. Seseorang tidak solat Jumaat dan berada di luar mukim.

Unsur yang mengikat peruntukan ini ialah “di dalam mukim”. Seseorang dianggap tidak melaksanakan solat Jumaat dari segi undang-undang meskipun pada hakikatnya dia berjumaat jika pelaksanaannya di luar mukim rasmi yang ia diami. Dengan maksud yang lain, pelaksanaan yang diiktiraf oleh undang-undang adalah pelaksanaannya di dalam mukim sahaja.

Cuma persoalan yang timbul bagaimana dengan tidak berjumaat di dalam mukim untuk kali pertama dan kedua atau tiga kali atau lebih tetapi tidak berurutan. Melihat dari kaca mata peruntukan ini, perbuatan tersebut tidak dianggap suatu kesalahan yang boleh didakwa dan dihukum.

Sumber Asal dan Metodologi Hukum bagi Seksyen 104, EMAIK

Tidak kedapatan nas-nas dari al-Quran mahupun hadith-hadith secara sوره menghuraikan bentuk-bentuk pelaksanaan yang harus digarapkan oleh pihak pemerintah berhubung dengan pembentukan dan pentadbiran mukim dan perkara-perkara yang berkait dengannya. Jika terdapat pun, ia masih umum dan memerlukan kepada usaha membuat kesimpulan hukum yang sungguh-sungguh.

Hal ini tidak bermakna syariat Islam tidak lengkap, tetapi sebenarnya menunjukkan ketinggian dan ketamadunan syariat Islam. Islam menggarapkan konsep umum yang menjadi dasar kepada pembentukan. Manakala hal-hal kesampingan yang menjadi sayap kepada perkara pokok yang bersifat berkembang atau menerima perubahan menurut kemaslahatan masa, Islam meruangnya kepada manusia untuk mentadbir berasaskan kepentingan semasa supaya manusia mampu hidup sesuai dengan tuntutan semasa.

Yang jelas daripada al-Sunnah hanya mengenai mukallaf yang meninggalkan berjumaat tiga kali secara berturut-turut seperti *pentarjihan* yang dibuat oleh al-Syawkani berhubung dengan maksud “tiga kali” di dalam hadith Abi al-Ja’d al-Damirri yang tidak mengaitkan sama ada ia bermaksud berasangan atau berturut-turut. Beliau berhujah dengan hadith riwayat Anas:²¹

"من ترك ثلاث جمع متواليات من غير عذر طبع الله على قلبه"

"Sesiapa yang meninggalkan tiga Jumaat berturut-turut tanpa keuzuran nescaya Allah akan mengcapkan ke atas hatinya"

Maksud yang segera difahami daripada pengunjukan hadith ini ialah penekanan kepada disiplin menghadiri solat Jumaat kecuali jika ada alasan tertentu yang menghalang seseorang mengerjakannya. Begitulah juga lafaz-lafaz hadith-hadith yang lain yang berjaya penulis temui memberikan tumpuan kepada syarat dan disiplin berjumaat.

Dari penelitian penulis, nas yang paling dekat berhubung dengan kewajipan melazimkan menghadiri solat Jumaat di mukim yang ia diami ialah hadith yang diriwayatkan oleh 'A'isyah r.a.;²²

"كان الناس يتأبون يوم الجمعة من منازلهم والعوالي"

"Adalah manusia sentiasa mendatangi hari Jumaat dari rumah-rumah mereka dan al-'Awaly (Nama tempat di sebelah timur Madinah sejauh tiga atau empat batu)"

Hadith ini memberi penunjuk hukum bahawa para sahabat melazimkan berjumaat di Madinah meskipun kedudukan mereka agak jauh dengan masjid Nabawi. Ini mengisyaratkan konsepsi melazimkan mukim sangat diutik beratkan oleh sahabat dalam pelaksanaan solat Jumaat sebagai asas perpaduan dan kesatuan ummah.

Di dalam kitab *T'anab al-Talibin* menyebut;²³

"لو كان في قرية أربعون كاملون لزمهم الجمعة بل يحرم عليهم على المعتمد تعطيل محلهم من"

إقامتها والذهاب إليها في بلد آخر"

"Seandainya penduduk yang empat puluh orang yang sempurna (menurut pandangan yang muktamad) maka wajiblah ke atas mereka berjumaat bahkan haram ke atas mereka mensia-siakan tempat yang mereka bermukim dan pergi berjumaat di bandar yang lain"

Sayyid Abu Bakr yang memanjangkan huraian ini di dalam *basyiah* mengulas;²⁴

"يجب على الحاكم منعهم من ذلك ولا يكون قصدهم البيع والشراء في المصر عذرا في تركهم الجمعة في بلدتهم إلا إذا ترتب عليه فساد شيء من أموالهم أو احتجوا إلى ما يصرفونه في نفقة ذلك اليوم الضرورية ولا يكلفون الافتراض"

"Wajib bagi pemerintah menegah perbuatan itu (mensia-siakan mukim) yang mana tidaklah permergian itu bertujuan membeli belah kerana kezururan yang mengharuskan meninggalkan Jumaat di permukimannya melainkan memungkinkan ke atas seseorang kerosakan harta atau keperluan-keperluan perbelanjaan harian yang mendesak untuk hari tersebut (Jumaat) maka tidaklah ia dibebankan dengan kewajipan (Jumaat)"

Kenyataan ini asas utama ketidakharusan meninggalkan mukim dan berjumaat di kawasan lain apabila di mukimnya genap bilangan empat puluh mukallaf yang sempurna syarat-syaratnya. Seinggakan untuk mendapatkan keperluan-keperluan asas hidup di hari Jumaat tidak dibenarkan kecuali sangat-sangat mendesak. Pihak berkewajipan hendaklah mengawal keluar masuk anak-anak mukim supaya tidak menjejaskan kewajipan solat Jumaat dan dapat dilaksanakan dengan baik.

Sebab tidak dibolehkan meninggalkan mukim sangat jelas iaitu menjejaskan kewajipan solat Jumaat di samping terdapat sebab tersembunyi iaitu menjaga kemakmuran dan keharmonian mukim. Bertolak dari sini, pihak pemerintah menghubungkan konsep menjejaskan kewajipan solat Jumaat dengan mengambil kaedah menutup pintu-pintu kemungkinan atau *Sadd al-Dhara'i'*.²⁵ Tindakan mensia-siakan mukim tanpa alasan yang munasabah dan jika tidak dikawal akan mengganggu perkembangan umat Islam yang berpusat di institusi masjid pada setiap kali di hujung minggu.

Dari fakta yang dikemukakan jelas menunjukkan sumber asal peruntukan ini dipetik dari pendapat mazhab Syafi'i dan mengadunkannya dengan kaedah *Sadd al-Dhara'i'* untuk menjaga kemaslahatan umum.

Konsep Mukim dalam EMAIK

Pelaksanaan solat Jumaat berkait rapat dengan pembentukan sebuah mukim. Ini disebabkan antara unsur utama yang diorientasikan ialah perkara-perkara yang berhubung dengan mukim seperti pembinaan masjid, pentadbiran masjid, memakmurkan institusi masjid dan sebagainya. Dengan kata lain, mukim ialah satu unit politik yang ditadbir secara langsung oleh Majlis

dalam hal keagamaan dan ia mesti mempunyai ciri-ciri tertentu seperti imam, bilal dan masjid.

Di negeri Kelantan sistem pembentukan mukim yang diuruskan oleh Majlis adalah tidak terikat dengan persempadanan yang dibuat oleh Kanun Tanah Negara atau persempadanan yang dirangka oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Majlis telah mengadakan sistem pembentukan tersendiri yang berasaskan kriteria-kriteria tertentu iaitu mengutamakan kuantiti anak mukim yang bermastautin, kedudukan jarak dan halangan-halangan yang menyulitkan anak mukim berjumaat ke mukim yang sedia ada.²⁶ Penulis akan membincangkan kedudukan pembentukan mukim yang berasaskan kriteria-kriteria tersebut secara ditil di bawah tajuk kriteria-kriteria pembentukan mukim.

Pada tahun 2002, Majlis telah meluluskan atau membentuk sebanyak 549 mukim di sepuluh jajahan seluruh negeri Kelantan. Mukim yang dibentuk dipecahkan kepada masjid negeri, kepala jajahan, mukim besar iaitu mukim yang diberi kebenaran mendirikan Jumaat dan pentauliahkan akad perkahwinan dan keduanya mukim kecil iaitu mukim yang didirikan solat Jumaat sahaja tidak diberi kuasa menikahkan seseorang.²⁷

Pembentukan dan kawalan ke atas Masjid-Masjid

Masyarakat bukan sewenang-wenangnya boleh mendirikan sesebuah bangunan atas tujuan masjid. Pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan adalah pihak yang berautoriti penuh dalam pembentukan, pentadbiran dan penyusunan masjid-masjid di negeri Kelantan di samping menjadi pemegang amanah tunggal mengenai perkara-perkara yang mempunyai hubung kait dengan masjid seperti pemilikan hak tanah. Penubuhan sesebuah masjid mestilah mendapat persetujuan yang sah daripada Majlis Agama Islam Kelantan. Kuasa pengawalan ke atas masjid jelas diperuntukkan dalam seksyen (81) yang menyebut;

(1) Tiada seorang boleh, tanpa kebenaran bertulis dari majlis, mendirikan mana-mana bangunan untuk digunakan sebagai masjid, atau menggunakan mana-mana bangunan atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana bangunan digunakan sebagai masjid

Peruntukan ini telah memberi kuasa kepada Majlis Agama mengawal pembentukan masjid-masjid bagi mengelak kewujudan masjid-masjid tanpa melihat kepada kemaslahatan umum. Oleh kerana Majlis Agama merupakan

pihak yang berkepentingan dalam memelihara kemaslahatan agama dan perkara yang berkait dengannya, maka di bahu pihaknya menilai kemaslahatan umum tersebut sama ada ia munasabah atau sebaliknya.

Di samping melulus atau tidak meluluskan pembinaan sesebuah masjid mengikut kemaslahatan yang dikehendaki, Majlis juga mengawal secara langsung aspek pengubahsuaian, pembaikan dan merobohkan atau menutup bangunan masjid yang sedia ada. Seksyen 84 menyebut;

Majlis bolehlah, dengan ampuni perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, atas sebab-sebab yang munasabah, menutup dan merobohkan mana-mana bangunan masjid.

Dalam hal menutup atau merobohkan bangunan masjid langkahnya lebih spesifik berbanding dengan memohon untuk membuat bangunan masjid. Pihak Majlis mestilah memaklumkan dan mendapatkan perkenan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, Kelantan sebagai ketua agama Islam sebelum bertindak menutup bangunan masjid tersebut.

Masjid mengikut pengertiannya di sisi undang-undang adalah suatu bangunan yang dibina atau digunakan atau menyebabkan supaya digunakan untuk sembahyang Jumaat.²⁸ Daripada istilah yang diberikan menunjukkan kriteria penting yang menjadi asas penamaan sesebuah bangunan itu masjid atau sebaliknya ialah aspek kegunaan atau tujuan. Seandainya ia digunakan untuk tujuan bersembahyang Jumaat maka bangunan tersebut diklasifikasikan sebagai masjid menurut pengistilah undang-undang.

Pengurusan masjid-masjid yang telah didaftarkan atau mendapat kebenaran secara bertulis adalah ditadbir oleh pegawai-pegawai masjid yang dilantik oleh Majlis dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Majlis sebagai wakil Al-Sultan menilai kelayakan para pegawai masjid yang ingin ditauliahkan berasaskan elemen-elemen tertentu. Lazimnya mereka ini terpaksa melalui satu proses temu duga dan ujian kelayakan yang telah ditetapkan sebelum dilantik.

Setelah berjaya melepasi ujian kelayakan dan pihak Majlis berpuas hati barulah Majlis mengeluarkan satu surat tauliah pelantikan daripada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sebagai menerima wakil pentadbir dalam soal keagamaan mengikut bidang kuasa yang telah diizinkan.

Solat Jumaat di mana-mana masjid yang dibenarkan oleh pihak Majlis tidak boleh didirikan kecuali dikendalikan oleh pegawai-pegawai masjid yang bertauliah. Bahkan tempat yang boleh atau sah dari segi undang-undang

hanyalah di tempat yang telah ditentukan atau diarahkan oleh Majlis. Ini bermakna pegawai-pegawai masjid tidak boleh mengadakan solat Jumaat selain dari tempat yang telah ditetapkan.

Namun begitu, jika terdapat keuzuran syarie yang menghalang pegawai masjid yang bertaualiah daripada menyelenggara aktiviti solat Jumaat, maka solat Jumaat boleh diuruskan oleh mana-mana orang yang berkeelayakan untuk masa itu. Dalam konteks ini, selama masa pegawai yang bertaualiah itu mempunyai kemampuan dalam melaksanakan solat Jumaat, urusan pengendalian itu tidak boleh dilakukan oleh orang lain selain pegawai masjid bertaualiah. Perpindahan kuasa Pengendalian solat Jumaat kepada orang lain yang berkeelayakan itu adalah bersifat sementara yakni, ketika pegawai masjid tersebut dalam keuzuran. Manakala setelah keuzuran itu hilang daripada pegawai masjid tersebut secara automatik kuasa perpindahan itu lenyap daripada orang yang berkeelayakan itu.

Kriteria-Kriteria Pembentukan Mukim

Kriteria-kriteria pembentukan mukim di dalam Islam dapat dilihat dari dua hadith yang penting iaitu, pertamanya riwayat 'Abdullah bin 'Umar;²⁹

"الجمعة على كل من سمع النداء"

(Diwajibkan) Jumaat ke atas yang mendengar azan.

Mantuaq daripada hadith riwayat Ibn 'Umar ini mengisyaratkan di dalam jarak manakah seseorang mukallaf itu diwajibkan solat Jumaat iaitu apabila mendengar azan. Jarak mendengar azan inilah yang dijadikan landasan pembahagian mukim. Jika menggabungkan dengan hadith kedua iaitu riwayat 'A'isyah³⁰ sebelumnya yang menyatakan penduduk al-'Awaly sentiasa berjumaat di masjid al-Nabawi yang jaraknya lebih kurang tiga batu atau empat batu.

Penelitian yang dibuat terhadap pandangan-pandangan fuqaha menunjukkan tiada jarak muktamad yang menampakkan kesepakatan fuqaha dalam penetapan jarak ini secara rijid. Contohnya, Imam al-Nawawi memetik pendapat Ibn Munzir daripada al-Zahri sejauh enam batu dari kediamannya.³¹ Hal ini memberikan kefahaman penentuan jarak mukim sesuatu yang menerima ijthihad secara luas. Para pemerintah diberikan kuasa untuk mentadbir mukim menurut kemaslahatan semasa dan ia menerima perubahan, penambahan atau pengurangan.

Dari perspektif undang-undang pembentukan mukim oleh mana-mana pihak hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada pihak Majlis melalui permohonan secara rasmi. Sesuai dengan tugas Majlis sebagai pihak yang mengurus hal ehwal keagamaan, maka perkara yang berhubung dengannya adalah di bawah bidang kuasanya secara umum termasuk dalam penentuan pecahan kawasan-kawasan tertentu yang dikenali sebagai mukim. Kebiasaannya satu mukim mempunyai satu *masjid jami'* sahaja.

Seksyen 85 memperuntukkan;

"Majlis boleh, pada bila-bila masa menetapkan, meminda atau mengubah sempadan mana-mana mukim masjid dan penetapan itu hendaklah disiarkan dalam warta"

Sehubungan dengan itu, bidang kuasa Majlis merangkumi dua sudut iaitu kuasa penetapan dan kuasa meminda atau mengubah mana-mana mukim sedia ada kepada suatu pembentukan mukim yang baharu.

Berasaskan peruntukan di atas, Majlis menerusi amalan Peraturan Majlis telah menggariskan kriteria-kriteria tertentu yang perlu dilengkapi bagi melayakkan sesebuah tempat itu bergelar mukim. Kriteria-kriteria tersebut seperti berikut;³²

1. *Bilangan ahli mustautin yang wajib sekurang-kurangnya sejumlah 100 orang bagi kawasan tersebut. Daripada jumlah 100 orang itu mestilah sekurang-kurangnya 40 orang yang kamil, iaitu betul bacaan surah al-Fatihahnya dan yang berkaitan dengannya.*
2. *Jarak tidak kurang 1 batu antara masjid yang hendak diwujudkan dengan masjid-masjid sekitarnya atau jumlah penduduk yang difikirkan layak seperti penduduk yang padat.*
3. *Wujud kesulitan atau kepayahan yang munasabah untuk berjumaat di mukim sedia ada seperti dihalangi sungai yang besar, gunung, lintasan landasan kereta api yang berbahaya dan sebagainya.*

Ketiga-tiga syarat di atas mesti bersepadu. Dengan kata lain, kesemua syarat-syarat itu mesti dilengkapi bagi membolehkan sesuatu kawasan itu diisytiharkan sebagai mukim. Dari sudut pengamalannya, syarat pertama menjadi syarat utama kepada syarat-syarat berikutnya. Pihak Majlis akan

cuba menilai dan mengkaji keperluan syarat pertama dengan wajar sebelum berpindah kepada syarat-syarat yang lain.

Perlu ditegaskan bahawa, bilangan yang menjadi perkiraan sebagai ahli Jumaat hanyalah 40 orang kecuali imam. Imam terkeluar dari bilangan ahli Jumaat kerana menolak kemungkinan beliau bukan daripada ahli mukim tersebut. Pihak Majlis menambah bilangan kepada 60 orang lagi sebagai "ahli Jumaat simpanan" menjadi 100 orang keseluruhannya adalah menghindar sebarang kemungkinan-kemungkinan yang timbul seperti sakit, musafir dan sebagainya. Jika syarat bilangan dicukupkan kepada 40 orang atau 50 orang akan menimbulkan masalah sampingan kemungkinan tidak dapat melaksanakan solat Jumaat dengan sebab-sebab tertentu.

Sekali imbas peraturan ini tersasar daripada hukum syarak. Bilangan 40 yang mencakupi syarat-syarat tertentu telah mewajibkan solat Jumaat. Hukum syarak hanya mewajibkan ketika mana ahlinya genap 40 orang dan tidak mewajibkan apabila bilangan tidak genap 40 orang berasaskan mazhab Syafi'i.

Persoalan ini sepatutnya tidak berbangkit kerana tidak bererti pihak Majlis menolak atau tidak membenarkan pembentukan mukim yang tidak mencecah ahli mukim yang bermastautin itu sebanyak 100 orang sebagai halangan tidak mewajibkan solat Jumaat. solat Jumaat tetap wajib, cuma mereka perlu mendirikan solat Jumaat di masjid yang berhampiran di samping pemakaian syarat ini sentiasa dilihat dari sudut keperluan.

Lazimnya syarat pertama ini dipakai bagi kawasan-kawasan pedalaman seperti di rancangan tanah baru, peneroka atau penempatan-penempatan baru. Sulit menentukan status keberadaan mereka di tempat tersebut adakah berstatus mukim atau bermastautin. Sering kali mereka meninggalkan tempat tersebut untuk pulang bercuti di kampung halaman.

Syarat ini dipakai secara praktikal dan ketat sebagai mendokong mazhab Syafi'i yang tidak membenarkan berbilang-bilang Jumaat di satu kawasan. Usaha mesti dilakukan supaya masyarakat dihipunkan hanya di satu *masjid Jami'* sahaja. Tambahan pula sistem kependudukan masyarakat pedalaman berpola berselerak atau bertaburan.

Bagi kawasan bandar syarat pertama tidak relevan. Majlis akan meneliti keperluan syarat kedua dengan mengambil kira faktor-faktor yang menyokong seperti penduduk sangat padat di samping masjid yang sedia ada telah tidak mampu memuatkan ahli Jumaat. Meskipun jaraknya kurang dari satu batu tetapi penduduknya sangat padat telah menimbulkan kesulitan

mengadakan Jumaat di satu tempat penubuhan mukim baru tetap dipertimbangkan.

Meskipun syarat yang pertama menjadi asas utama kepada pembentukan mukim-mukim, namun pengamalannya tidak riid bagi semua keadaan tanpa mengambil kira soal-soal yang mungkin merumitkan ahli-ahli Jumaat mendirikan kewajipan solat Jumaat. Syarat ketiga menampakkan kesyumulan Syariat Islam. Halangan-halangan yang diklasifikasikan sebagai *musyaqqah* *syar'iyah* diterapkan. Ini bererti bilangan 100 orang ahli Jumaat bermastautin itu bukan dipakai secara statik. Sebaliknya jika bilangan ahli Jumaat yang bermastautin itu kurang daripada 100 orang seperti 70 atau satu jumlah yang melayakkan, telah membolehkan kawasan tersebut dibentuk satu mukim berasingan jika terdapat suatu kepayahan yang difikirkan wajar oleh Majlis seperti dihalangi oleh sebatang sungai. Keadaan sungai itu tidak dikira dari sudut fizikal sama ada kecil atau besar tetapi dari aspek keselamatan.

Setakat ini Pihak Majlis sangat komited dengan kebenaran penubuhan sesebuah masjid mesti paling kurang 40 orang sempurna syarat melainkan penubuhan Masjid bandar kedua Gua Musang iaitu Masjid Tengku Faiz Petra yang diluluskan pada 14.4.1999. Pembentukan awal masjid bandar kedua ini diluluskan berdasarkan terdapat dua belas orang mastautin di sekitar masjid tersebut dan ini memakai pendapat *da'if* atau *qadim* bagi al-Syafi'i yang mengatakan boleh diadakan Jumaat dengan ahli seramai tiga orang seperti mana pendapat utama Hanafi³³

Keperluan Mukim dan Implikasi Pengabaianya³⁴

Tidak dapat dinafikan sesebuah penempatan wujud setelah terdapatnya unit-unit keluarga yang membentuk satu unit masyarakat yang kita kenali *ahli qaryah*. Pertambahan penduduk menjadikan urusan semakin kompleks dan ini tentunya memerlukan pentadbiran, pengurusan dan pengawasan ke atas organisasi sosial tersebut agar pertumbuhan dan perkembangannya selaras dengan keperluan.

Dalam Syariat Islam pembangunan ummah adalah salah satu agenda utama yang perlu diberi perhatian oleh pihak pemerintah. Keperluan mukim dan ketaatan kepada mukim jelas dilihat dari konsep Syariat Islam yang umum menarik kemaslahatan dan dalam situasi yang sama menghindar kemudharatan.

Jika kita melihat dari pelbagai dimensi hikmat dan rahsia pensyariatan bilangan tertentu bagi syarat sah Jumaat, kita dapati ia sangat dinamik.

Sesuai dengan sumber rezeki yang bertaburan atau berada di merata tempat menggalakkan umat Islam supaya bertebaran mencari rezeki Allah dan seterusnya membina dan memakmurkan dunia. Ia perlu mengeksploitasi sepenuhnya sumber-sumber yang terdapat di kawasanya dan begitulah tanggungjawab di kawasan lain.

Sifat sumber ekonomi yang berselerak ini memerlukan kawalan agar keseimbangan ekonomi terkawal. Orang di pantai tidak menanam padi maka ia memerlukan padi yang diusahakan oleh petani di kawasan pertanian begitulah sebaliknya setiap individu secara kolektif saling memerlukan. Jika anak-anak mukim bagi satu-satu kawasan sentiasa keluar atau meninggalkan kampung dan jika tidak dikawal akan menimbulkan masalah dalam imbalan ekonomi kerana pengeluaran di kawasan tersebut yang tidak maksimum dan tidak dapat dirancang melalui semangat kesatuan persaudaraan.

Justeru itu, pensyariatan bilangan bagi solat Jumaat adalah menyemai semangat mewujudkan penempatan yang kemudian berkembang dan akan membentuk percantuman perbandaran hasil dari komitmen anak-anak mukim yang cinta dan bersedia berkhidmat untuk mukimnya. Bilangan empat puluh orang seolah-olah sudah memenuhi syarat awal pembinaan sesebuah penempatan yang perlu ditadbir dan mempunyai penyusunan masyarakat yang berpandukan Syariat Islam. Maka setiap anak mukim perlu berusaha dan bertanggungjawab meneruskan penempatan tersebut dan membangunkannya.

Syariat Islam mementingkan perpaduan dan kesatuan ummah. Dalam konteks mukim, ia mewakili sejumlah unit-unit keluarga yang mempengaruhi keharmonian sesebuah jajahan, negeri dan seterusnya negara. Oleh kerana itu, keperluan mukim dan ketaatan kepada mukim adalah sangat penting kerana perbandaran dapat dihasilkan menerusi pengelompokan sejumlah penduduk di samping faedah ekonomi yang sentiasa dikembangkan menerusi penggunaan tenaga tempatan.

Kesimpulan

Ibadat solat Jumaat mengandungi matlamat yang sangat luas yang bukan terhenti pada aspek solat sahaja tetapi mencakupi aspek siasah, ekonomi dan sosial. Banyak inti pati yang ingin diterapkan oleh Islam dalam penunaianya. Negeri Kelantan yang terawal mengambil insentif memperluaskan hikmat solat Jumaat kepada kewajipan melaksanakannya di dalam mukim yang didiami.

Kaitan yang amat rapat antara solat Jumaat dan mukim menjadikan satu asas pembentukan masyarakat Islam yang cemerlang, mewujudkan semangat kesatuan, kekuatan membangunkan kawasan didiami. Hingga kini kesejahteraan mukim terutama jika diukur dalam melaksanakan fardu Jumaat terlaksana dengan jayanya.

NOTA Hujung

- ¹ Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, jld.:8, hlm.:58-59, Beirut, 1990, Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, jld. 8, hlm. 599, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, Beirut, 1995.
- ² *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, Edisi ketiga, hlm.:547, Cetakan Dewan Bahasa, Selangor, 1996, Muhammad Idris al-Marbawiy, *Qamus Idris al-Marbawiy Arab-Melayu*, hlm.:108, Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Awladih, Mesir, tt.
- ³ *Ibid*, Dr. Muhammad Rawwas Qal'ajiy dan Dr. Hamid Sadiq Qunzibiy, *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*, hlm.:166, Dar al-Nafa'is, Beirut, 1988.
- ⁴ *Op.cit*, Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁵ Muhammad al-Amin, *Adwa' al-Bayan*, jld.:8, hlm.:270, Maktabah Ibn Taimiyyah, al-Qahirah, 1992.
- ⁶ *Ibid*, *Op.cit*, Ibn Manzur, jld.:8, hlm.:58, Sulayman al-Bujayrimiy, *Bujayrimiy 'Ala al-Khatib*, jld.:2, hlm.:161, Dar al-Fikr, Beirut, tt.
- ⁷ I Dahlan, Abdul Azis, *Ensiklopedia Hukum Islam*, jld.:5, hlm.:1579, PT Inter Masa, Jakarta, 1997.
- ⁸ Ibn Qayyim, *'Amr al-Ma'hub*, jld.:3, hlm.:277-278, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, tt.
- ⁹ Al-Nawawiy, *al-Majmu'*, jld.:4, hlm.:349, Maktabah al-Irsyad, Jeddah, tt.
- ¹⁰ *Op.cit*, Ibn Qayyim, jld.:3, hlm.:278.
- ¹¹ Dr. Wahbah al-Zuhailiy, *al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuh*, jld.:1, hlm.:259, Dar al-Fikr, Beirut, 1989.
- ¹² Al-Bahutiy, *Kasyf al-Qana' 'an Matn al-Iqna'*, jld.:1, hlm.:21 Matba'ah al-Hukumah, Mekah, tt.
- ¹³ *Op.cit*, Dr. Wahbah al-Zuhailiy.
- ¹⁴ *Op.cit*, al-Nawawiy.
- ¹⁵ Ibn 'Abidin, *Hasyah Radd al-Muhtar*, jld.:2, hlm.:136, Mustafa al-Babiy, al-Halabiy wa Awladuh, Mesir, tt.
- ¹⁶ Al-Nawawiy, *al-Siraj al-Wahhab 'ala Matn al-Minhaj*, hlm.:83, jld.:498, Dar al-Fikr, tt, *Op.cit*, Idris al-Marbawiy, hlm.:164, 165.
- ¹⁷ Syihab al-Din al-Qalyubiy dan Umairah, *Qalyubiy wa 'Umayrah*, jld.:1, hlm.:268, Dar Ihya' al-Kutub al-Ilmiyyah, al-Qahirah, tt.
- ¹⁸ *Op.cit*, Kamus Dewan Bahasa dan pustaka.
- ¹⁹ *Op.cit*, Ibn Qayyim, jld.:3, hlm.:267.
- ²⁰ Al-Nawawiy, *Rawdah al-Talibin*, jld.:1, hlm.:508 – 529, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, tt, Muhammad Irsyad bin Abdullah al-Banjariy, *Sabil al-Muhtadin lil Tafagqub fi 'Amr al-Din*, jld.:2, hlm.:44 – 50, Maktabah Muhammad al-Huda wa Awladih, Thailand, tt.
- ²¹ Al-Syawkaniy, *Nyl al-Awtar*, jld.:3, hlm.:264, Dar al-Hadith, al-Qahirah, 1993.
- ²² *Op.cit*, Ibn Qayyim, jld.:3, hlm.:267, 268.
- ²³ Sayyid Abu Bakr al-Dimyatiy, *Tanab al-Talibin*, jld.:2, hlm.:59, 60, Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Huda wa Awladih, Thailand, tt.
- ²⁴ *Ibid*, Sila juruk dalam *hasyahnya*.
- ²⁵ *Sadd al-Dhar'i* ialah sesuatu yang pada zahirnya harus dan memungkinan membawa kepada sesuatu yang terlarang. Sila rujuk: Dr. Mahmud Hamid, *Sadd al-Dhar'i wa Atharuhu fi al-Fiqh al-Islamiyy*, hlm.:62, Dar al-Hadith, al-Qahirah, 1996.
- ²⁶ Temuramah dengan Ketua Pegawai Agama Majlis Agama Islam Kelantan, En. Osman bin Hj. Ibrahim pada 1.7.1999.
- ²⁷ Laporan Ringkas Struktur Pengurusan Serta Perugas Masjid Semua Jajahan sehingga 8.10.2002 yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- ²⁸ Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, No.4 / 1994, Seksyen 2.
- ²⁹ *Op.cit*, Ibn Qayyim, jld.:3, hlm.:270.
- ³⁰ *Ibid*, jld.:3, hlm.:267.
- ³¹ *Op.cit*, al-Nawawiy, al-Majmu', jld.:4, hlm.:354.
- ³² Hasil Temuramah dengan tiga pegawai penting dalam pentadbiran agama Islam Kelantan, Dato' Hj. Abdullah bin Mohd Hassan pada 1.7.1999, Ketua Pegawai Agama Majlis Agama Islam Kelantan, En. Osman bin Hj. Ibrahim pada 1.7.1999 dan Imam Besar Kelantan, Hj. Ismail Saidina pada 25.5.1999 di pejabat mereka. Ketiga-tiga responden menegaskan tiada peruntukan khusus yang dikanunkan dalam peraturan Majlis mengenai syarat-syarat pembentukan sesebuah mukim.

Kriteria-kriteria yang diberikan kepada penulis adalah "amalan Majlis" yang diwarisi secara baik sejak dulu lagi.

³³ Temuramah dengan Dato' Dato' Hj. Abdullah bin Mohd Hassan pada 1.7.1999, Ketua Pegawai Agama Majlis Agama Islam Kelantan, En. Osman bin Hj. Ibrahim pada 1.7 1999.

³⁴ Hasil temuramah dengan Ketua dengan Dato' Dato' Hj. Abdullah bin Mohd Hassan pada 1.7.1999 dan Imam Besar Kelantan, Hj. Ismail Saidina pada 25.5.1999.